

Selararas bantuan untuk golongan daif: PM

JOHOR BAHRU: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta agensi kerajaan dan badan sukarela mengadakan penyelarasan dalam pemberian bantuan kepada golongan miskin dan kurang bernasib baik di negara ini.

Perdana Menteri berkata, bantuan menyeluruh serta penyelarasan jitu amatlah penting jika masalah kemiskinan di negara ini hendak dihapuskan.

"Sehubungan itu, semua pihak yang terbabit diharap dapat berpadu tenaga, berganding bahu dan idea, supaya cita-cita murni ini berjaya.

"Golongan korporat juga hendaklah memberi peluang kepada golongan terbabit menunjukkan kebolehan mereka," katanya ketika melancarkan Yayasan Bandaraya Johor Bahru (YBJB) di sini, semalam.

Sejumlah RM3.3 juta dapat dikumpulkan untuk mengisi tabung yayasan itu yang mana sumbangan terbesar masing-masing berjumlah RM1 juta diterima daripada Kerajaan Johor dan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB).

Turut hadir di majlis itu ialah Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Besar, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin.

Dr Mahathir berkata, Malaysia amat bertuah kerana masalah kemiskinan yang wujud tidak begitu serius, berbanding di negara lain.

"Negara ini juga bertuah kerana mempunyai barisan pimpinan pentadbiran dan rakyat yang sentiasa peka dan mengambil berat terhadap nasib serta kebajikan golongan yang memerlukan pembelaan," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata masalah kemiskinan perlu dibanteras

kerana langkah itu secara tidak langsung turut mengurangkan masalah sosial.

Menurutnya, kajian menunjukkan masalah kemiskinan boleh mengakibatkan wujudnya masalah sosial yang lazimnya berlaku seperti penagihan dadah, arak, penderaan kanak-kanak, pelacuran dan keciciran.

"Kebanyakan daripada kawasan mundur dan terpencil menjadi sarang penagih yang tinggal berdekatan...keadaan persekitaran rumah yang sempit menyebabkan anak-anak terpaksa keluar rumah untuk mendapat ketenangan dan

hiburan," katanya.

Perdana Menteri berkata, kebanyakan masalah kemiskinan yang wujud hari ini adalah diwarisi dan ada di antaranya disebabkan kehilangan tempat bergantung seperti kematian ayah akibat kemalangan atau malapetaka atau kerana kecacatan dan kehilangan anggota keluarga, menyebabkan mereka tidak berupaya bekerja.

Katanya, dalam mengejar kejayaan, tidak dapat dinafikan ada segelintir rakyat yang tidak berupaya mengikut arus pembangunan begitu pantas.

"Tidak semua daripada kita dapat melangkah dalam nada dan irama serupa. Pasti ada yang ketinggalan di belakang, akibat rentetan masalah yang pernah dijumpai."

"Ada antaranya yang dapat melepaskan diri daripada kongkongan itu, namun ramai yang terpaksa tercicir di tengah jalan," katanya.

Mengenai YBJB, Dr Mahathir berharap yayasan itu dapat mengenal pasti satu bentuk bantuan yang memberi penekanan kepada aspek fizikal dan kerohanian kerana ia penting agar tidak ada sifat pergantungan kepada bantuan yang berterusan.